



Siaran **AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (61) 03/07

ISU KELEWATAN KOPERASI PERUMAHAN ANGKATAN TENTERA BERHAD **MEMBUAT BAYARAN CARUMAN KEPADA AHLI**

KUALA LUMPUR, 13 Julai 2023 – Merujuk kepada respon yang tular daripada seorang pengguna media sosial berkenaan kelewatan pembayaran caruman Koperasi Perumahan Angkatan Tentera Berhad (KPATB) kepada veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Kementerian Pertahanan ingin memaklumkan bahawa kementerian ini mengambil maklum berkenaan dengan isu yang ditimbulkan.

Untuk makluman, KPATB merupakan pertubuhan yang didaftarkan pada 5 April 1965 di bawah Akta Koperasi. KPATB diwujudkan sebagai sebuah pertubuhan koperasi jimat cermat dan pinjaman wang yang berasaskan perumahan. Aktiviti utama KPATB adalah memberikan kemudahan pinjaman berasaskan keperluan perumahan kepada anggota-anggota tentera dan kakitangan awam yang berkhidmat dengan Kementerian Pertahanan yang menjadi ahli KPATB.

Sehubungan itu, secara strukturnya, KPATB bertanggungjawab terus kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia dalam urusan yang berkaitan dengan operasi dan hala tuju koperasi. Oleh itu, secara entitinya, KPATB bukan berada di dalam kawalan dan seliaan Kementerian Pertahanan dan kementerian juga tidak mempunyai bidang kuasa perundangan ke atas KPATB sama ada dari aspek tadbir urus, pembuat keputusan atau menentukan dasar. Namun begitu, kementerian tetap prihatin dan akan terus komited membela nasib para veteran ATM serta memohon semua veteran ATM yang memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk tampil menghubungi kementerian ini menerusi Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM).

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

13 Julai 2023